

06 JAN 1997

Mahathir-Standard

PERKHIDMATAN AWAM MAMPU BERTARAF DUNIA TAHUN 2000, KATA PM

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin perkhidmatan awam Malaysia akan mencapai taraf ISO 9000 menjelang tahun 2000 seiring dengan kemajuan yang sedang dinikmati oleh negara ini.

"Saya yakin dengan usaha gigih mereka (semua jabatan kerajaan) mereka boleh mencapainya...kita bukan mula sedikit-sedikit, secara keseluruhannya kita maju," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1996 (AKPM) dan merasmikan Simposium Kebangsaan MS ISO 9000 di sini hari ini.

Beliau berkata usaha untuk mencapai tahap MS ISO 9000 sudah dijalankan dan beberapa jabatan kerajaan sudah mencapai peringkat demi peringkat standard kualiti itu.

Katanya strategi utama bagi mencapai tahap itu ialah motivasi, keinginan dan dedikasi dengan mendapatkan maklumat dan panduan daripada Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU), Institut Tadbiran Awan Negara (INTAN) dan SIRIM Berhad.

Apabila ditanya mengenai kedudukan sektor awam yang masih ketinggalan berbanding sektor swasta, Dr Mahathir berkata sektor swasta memang menumpukan kepada kualiti kerana ia menjual khidmat dan barangan sedangkan sektor awam tidak sedemikian.

Jabatan kerajaan kadang-kadang tidak mempunyai hubungan langsung dengan orang ramai kecuali jabatan yang mempunyai kaunter perkhidmatan yang boleh dinilai dan ditentukan standardnya, katanya.

Terdahulu, semasa berucap Dr Mahathir berkata sebagai sebuah negara dagangan Malaysia terpaksa menghadapi saingan sepanjang masa dan daripada pelbagai sudut.

Katanya untuk menghadapi saingan itu organisasi di Malaysia perlu berusaha menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan diterima masyarakat antarabangsa.

"Bagi syarikat swasta, pengiktirafan melalui sijil ISO 9000 amat berharga kerana ia membuktikan bahawa sistem pengurusan kualitinya serta keluarannya dalam bentuk khidmat atau barangan adalah memenuhi standard yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata siri ISO 9000 yang amat popular di kalangan sektor swasta dan sedang diperkenalkan dalam sektor awam merupakan satu standard kualiti yang universal dan beberapa negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Finland, Belgium, Switzerland, Kanada dan New Zealand telah menggunakannya di jabatan dan agensi tertentu.

"Ini membuktikan bahawa standard ISO 9000 boleh disesuaikan untuk digunakan dalam semua agensi Kerajaan," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata bagi menentukan kecekapan dan keberkesanan dalam perkhidmatannya, keseluruhan perkhidmatan awam di negara ini perlu mengamalkan sistem pengurusan kualiti yang berpandukan kepada standard kualiti itu.

Dr Mahathir juga menyampaikan Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1996 kepada Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) Datuk Dr Yusuf Basiron bagi kategori sektor awam; Pengerusi Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad Haji Ahmad Bakri Ashaari (kategori sektor sosio-ekonomi) dan Pengarah Urusan Solectron Technology Sdn Bhd Encik Joe Tang Abdullah (kategori sektor swasta.)

Masing-masing menerima RM30,000, piala iringan dan sijil penghargaan.

Agensi berkenaan juga dibenarkan menggunakan simbol Q dan mencetak kenyataan "Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri Tahun 1996," di bahagian kepala atau kaki surat yang digunakan selama tiga tahun. --
BERNAMA

HS NHD NMO